



SIARAN MEDIA

PROGRAM 'SPRING CLEANING' SEMPERNA TAHUN BAHARU CINA 2024

Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dengan kerjasama KDEB Waste Management (KDEBWM) meneruskan lagi Program 'Spring Cleaning' pada tahun ini sempena sambutan Tahun Baharu Cina yang akan disambut tidak lama lagi. MPS akan menyediakan sebanyak 10 buah tong RORO di 10 lokasi iaitu di Kampung Sungai Terentang, Kampung Lee Kim Sai, Kampung Sungai Bakau, Batu Arang (Simpang Utara), Kampung Desa Aman, Jalan SJ 24 Taman Selayang Jaya, Jalan 19 Taman Sri Melati, Taman Daya (Tepi Padang), Desa Jaya dan Gelanggang Bola Keranjang Jalan 17 Kampung Selayang Baru.

Penganjuran program ini merupakan inisiatif berterusan bagi sambutan perayaan utama bagi membantu orang ramai membuang sampah pukal seperti perabot terpakai dan peralatan elektrik di dalam tong RORO yang telah disediakan oleh MPS. Untuk tahun ini, MPS akan menyediakan perkhidmatan secara percuma bermula pada 27 hingga 28 Januari 2024.

MPS berharap agar penduduk di kawasan yang terlibat dapat mengambil peluang melakukan pembersihan sempena persiapan Tahun Baharu Cina yang akan tiba dan membuang sampah pukal ke dalam tong RORO yang disediakan bagi memudahkan pihak MPS membuat kutipan sekaligus dapat memastikan kawasan sekitar berada dalam keadaan bersih dan selesa.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan (JPSPK) di talian 03-6126 6024 atau layari www.mps.gov.my.

#TAMAT#

Dikeluarkan Oleh:

Bahagian Perhubungan Awam
Jabatan Korporat

b.p. **Yang Dipertua**
Majlis Perbandaran Selayang
22 Januari 2024